

Rangkuman JPWPL Sana Sini Oktober-Disember 2023: MAJLIS LAUTAN KASIH SEJUTA KENANGAN



JPWPL telah mengadakan Majlis Lautan Kasih Sejuta Kenangan pada 23 November 2023. Majlis yang dianjurkan oleh MPT, MPSM dan MGB tersebut diadakan bersempena pertukaran YBrs. Tuan Yusup bin Hj Mohamad yang telah menerima kenaikan pangkat sebagai Timbalan Pengarah Kanan, Gred JUSA C di Sektor Dasar Dan Perancangan Pembangunan Keguruan Bahagian Profesionalisme Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kenaikan pangkat tersebut mencatatkan sejarahnya tersendiri apabila YBrs. Tn. Yusup bin Hj Mohamad merupakan anak tempatan dari WP Labuan pertama yang dilantik ke jawatan kanan di KPM tersebut.

Dalam ucapan beliau, YBrs. Tn. Yusup menyampaikan nasihat-nasihat dan saranan-saranan sebagai panduan semua. Beliau turut menzahirkan keyakinan bahawa lebih banyak lagi kejayaan-kejayaan boleh tempa oleh warga pendidikan di Labuan.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh semua Timbalan-Timbalan Pengarah, Ketua-Ketua Penolong Pengarah, para Pengetua dan Guru Besar serta pegawai dan kakitangan JPWPL. Majlis tersebut diurusetia dan dikelola bersama oleh Sektor Sumber Manusia, MPSM dan MGB.

YBrs. Tuan Yusup bin Hj Mohamad telah memulakan tugas secara rasmi di BPG KPM pada 28 November 2023.













